



جانبين اكام اسلام ولايه فرسكوتوان

Jabatan Agama Islam  
Wilayah Persekutuan (JAWI)

# Cara-Cara Menutup **AURAT** Yang Dituntut Oleh Islam

## UNIT PERHUBUNGAN AWAM (JAWI)

Kompleks Pusat Islam,  
Jalan Perdana,  
60676 Kuala Lumpur.

Tel: 603 - 2274 9333 Fax : 603 - 2273 1575

Web : [www.jawi.gov.my](http://www.jawi.gov.my) E-mail : [info@jawi.gov.my](mailto:info@jawi.gov.my) / [aduan@jawi.gov.my](mailto:aduan@jawi.gov.my)

## KENAPA WANITA ISLAM WAJIB MENUTUP AURAT?

Kerana ia termaktub di dalam Al-Quran, Surah Al-Ahzab ayat 59 yang bermaksud: " *Hendaklah mereka menghuturkan tudung ke seluruh tubuh mereka, supaya mereka lebih mudah dikenali orang, kerana itu mereka tidak diganggu*"



## BAHAGIAN MANAKAH YANG BOLEH DIPERHATIKAN?

Rasulullah SAW telah bersabda: " *Bahawa anak perempuan apabila cukup umumnya, maka mereka tidak boleh dilihat akan dia, melainkan mukanya dan dua tapak tangannya hingga pergelangan*". (H.R: Abu Daud)

## MUKA DAN TANGAN

Asma' Binti Abu bakar telah menemui Rasulullah SAW dengan memakai pakaian yang nipis. Sabda Rasulullah SAW: " *Wahai Asma! Sesungguhnya seorang gadis yang telah berhaidh, tidak boleh baginya mengzahirkan anggota badan kecuali pergelangan tangan dan wajah sahaja*"

(Riwayat Muslim dan Bukhari)

Surah An-Nisaa' ayat 34, Allah SWT berfirman:

" *Kaum lelaki adalah pemimpin bagi kaum wanita*"

Sepotong ayat dari Surah Al-A'raf ayat 26, Allah SWT berfirman: " *Hai anak keturunan Adam, Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu pakaian untuk perhiasan, dan pakaian Taqwa itu adalah yang paling baik*"

## MUKA DAN LEHER

" *Dan tinggallah kamu (perempuan) di rumah kamu dan janganlah kamu menampakkan perhiasanmu seperti orang jahiliyah yang terdahulu*"

- Bersolek (make up)
- Menurut Miftal: " *Sengaja membiarkan ikatan tudung yang menampakkan leher seperti orang jahiliyah*"

## DADA

" *Hendaklah mereka (perempuan) melabuhkan kain tudung hingga menutup dada-dada mereka*"

## WANGIAN

" *Siapa sahaja wanita yang memakai wangi-wangian kemudian melewati suatu kaum supaya mereka itu mencium baunya, maka wanita itu telah dianggap melakukan zina dan tiap-tiap mata itu adalah zina*" (Riwayat Nasa'i, Ibn Khuzaimah Dan Hibban)

## KAKI (Tumit Kaki)

" *Dan janganlah mereka (perempuan) membentakkan kaki (atau mengangkatnya) agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan*" (An-Nuur: 31)

- Menampakkan kaki
- Menghayunkan / melenggokkan mengikut hentakan kaki

## KEPADA SIAP AURAT BOLEH DIPERLIHATKAN?

" *Dan janganlah memperlihatkan perhiasan mereka kecuali kepada suami-suami mereka, atau bapa-bapa mereka, atau bapa-bapa mertua mereka, atau anak-anak lelaki mereka, atau anak-anak lelaki suami mereka (anak tin), atau saudara-saudara lelaki mereka, atau anak-anak saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita (rakan sejawat atau yang berkhidmat) dengan mereka, atau hamba sahaya mereka, atau orang-orang lelaki yang menjadi pengikut mereka yang tidak mempunyai syahwat (nafsu) kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum timbul berahinya apabila melihat aurat perempuan*" (An-Nur: 31)

# Kesalahan-Kesalahan Dalam Menutup AURAT



**KESALAHAN GAMBAR A**

- kain yang dipakai terlalu singkat

Menurut riwayat Imam Tarmizi dan Nasa'i, dari Ummu Salamah r.a. *"Ya Rasulullah, bagaimana perempuan akan berbuat kain-kain mereka yang sebelah bawah?"*  
Sabda Rasulullah SAW.  
*"Hendaklah mereka memanjangkan barang sejenak dan janganlah menambahkan lagi ke atasnya".*



**KESALAHAN GAMBAR C**

- Tudung tidak menutupi dada.
- Lengan blaus pendek.
- Tidak bersarung kaki.
- Kain yang dipakai terlalu singkat.

*"Seungguhnya sebilangan ahli neraka ialah perempuan-perempuan yang berpakaian tetapi yang bertelanjang yang condong pada maksiat dan menarik orang lain untuk melakukan maksiat. Mereka tidak akan masuk syurga dan tidak akan menium baurya".*  
Rwayat Bukhari dan Muslim



**KESALAHAN GAMBAR E**

- Tudung yang tidak menutupi dada.
- Tidak bersarung kaki.
- Pakaian yang ketat menampakkan susuk tubuh.
- Blaus yang dipakai singkat.

*"Katakanlah kepada perempuan yang beriman: hendaklah mereka merendahkan pandangan mereka dan menjaga kehormatan mereka..."*  
Surah An-nur, ayat 31.



**KESALAHAN GAMBAR B**

- Tudung tidak menutupi dada

Allah SWT berfirman dalam surah An Nur, ayat 31, maksudnya: *"...hendaklah mereka tutupkan tudung (selendang) mereka ke leher dan ke dada mereka..."*



**KESALAHAN GAMBAR D**

- Pakaian ketat dan menampakkan susuk tubuh.

Rasulullah bersabda maksudnya: *"... hendaklah kamu meminjamkan dia baju yang panjang dan longgar itu".*

- Solekan yang jelas dilihat (lipetik)

Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Araf, ayat 31, maksudnya: *"...pakailah perhiasanmu pada setiap waktu sembahyang. Makan dan minumlah dan jangan melampaui batasan".*



**KESALAHAN GAMBAR F**

- Lengan blaus pendek
- Tidak bersarung kaki.
- Kain yang dipakai berbelah di depan (Slit)

*"Barangsiapa yang memakai pakaian yang menyicik mata, maka Allah akan memberikan pakaian kehinaan di hari akhirat nanti..."*  
Riwayat Ahmad, Abu Daud, An-Nasa'i dan Ibn Majah